**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000
Website : www.mcmc.gov.my

# Kenyataan Media
Press Release

**Untuk Siaran Segera**

## KENYATAAN MEDIA PENGERUSI MCMC

**CYBERJAYA: 30 Mei 2014** --- Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mendapati beberapa individu dalam laman media sosial telah menghina Institusi Beraja, terutamanya berhubung kemangkatan DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Almarhum Sultan Azlan Shah baru-baru ini.

“Kami sedang bertindak mengesan individu-individu tersebut dan memohon orang awam yang mempunyai sebarang maklumat yang boleh membantu siasatan MCMC untuk tampil memberikan maklumat berkenaan,” kata Pengerusi MCMC, Dato' Mohamed Sharil Tarmizi.

“Kami memandang serius penghinaan sebegini dan akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan lunas undang-undang seperti diperuntukkan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998,” tambah Dato' Sharil.

Tamat

**Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.mcmc.gov.my dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:
Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: ccd@cmc.gov.my